

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
(LEDANG)**

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan kajian dan cadangan berkenaan impak polisi kabotaj terhadap pelaburan sektor digital serta sektor perkapalan domestik yang melibatkan lima Kementerian lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana yang telah dijawab pada 22 dan 30 September 2021, pengecualian Dasar Kabotaj yang diberikan untuk aktiviti pembaikan bukannya pemasangan kabel dasar laut sebelum ini hanyalah merujuk kepada pengecualian ke atas proses pengesahan ketiadaan kapal tempatan yang perlu diperolehi oleh kapal asing sebelum memohon *Domestic Shipping License* (DSL). Kerja-kerja pemasangan kabel dasar laut masih tertakluk kepada pematuhan dasar kabotaj yang dimulakan sejak 1980, termasuk zaman pemerintahan PH.

Apa yang berlaku ialah semasa pengecualian diberikan, DSL hanya dipohon setelah sesebuah kapal asing masuk ke perairan Malaysia. Kementerian Pengangkutan berpandangan adalah lebih elok dan teratur permohonan DSL dibuat terlebih dahulu sebelum sesebuah kapal asing memasuki perairan Malaysia. Ini soal kedaulatan negara.

SOALAN NO : 53

Walaupun pengecualian tersebut telah dibatalkan, kapal-kapal asing yang terlibat dengan pembaikan kabel dasar laut masih boleh beroperasi di perairan Malaysia. Ini dibuktikan dengan kelulusan sepuluh (10) DSL kepada dua (2) buah kapal asing iaitu ASEAN Explorer dan ASEAN Restorer bagi tempoh Disember 2020 sehingga Ogos 2021. Sebelum dilaksanakan DSL, tempoh kelulusan memakan masa 5 hingga 7 hari. Dengan pelaksanaan DSL, kelulusan telah diberikan dalam tempoh 3 hari sahaja berbanding 5 hingga 7 hari yang diambil sebelum ini ketika pengecualian tersebut berkuatkuasa pada zaman Kerajaan PH.

Kementerian Pengangkutan berpandangan bahawa Kerajaan perlu mengimbangi inisiatif dan usaha pelaburan digital pihak luar dengan usaha-usaha membina kapasiti industri perkapalan tempatan; mengurangkan kebergantungan negara kepada kapal asing serta memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjamin, agar tidak menjejaskan kepentingan negara.

Kementerian Pengangkutan akan terus melaksanakan sesi libat urus dengan pelbagai pemegang taruh supaya dasar sedia ada dapat diperbaiki dari semasa ke semasa. Dasar ini juga dijangka dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam bulan ini selepas menerima ulasan daripada semua Kementerian dan agensi berkaitan.

Sekian, terima kasih.